

Faktor utama yang menyebabkan kemalangan jalan raya berpunca daripada sikap pengguna jalan raya itu sendiri.

Lihat jadual di bawah ini dengan telitinya. Kemudian tulis ulasan yang panjangnya antara 80 hingga 100 patah perkataan. Lengkapkan contoh jawapan dengan kata yang sesuai. **SP 3.6.2**

(KBAT) Menganalisis; Mencipta

[15 markah]



Jenis Kecederaan	Tahun	
	2016	2017
Kematian	7,152	8,043
Kecederaan Parah	4,506	5,112
Kecederaan Ringan	7,415	8,039

berbahaya

undang-undang

baik

had laju

faktor

kecuaiian

telefon bimbit

peningkatan

mematuhi

peraturan

Berdasarkan statistik kes kemalangan jalan raya pada tahun 2016 dan 2017, jumlah kematian, kecederaan parah, dan kecederaan ringan telah menunjukkan (1) _____. Hal ini yang demikian kerana, peningkatan kes kemalangan jalan raya banyak berpunca daripada (2) _____ pengguna jalan raya itu sendiri. Mereka tidak mematuhi (3) _____ lalu lintas ketika memandu selain tidak mematuhi (4) _____ pemanduan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Malah, mereka memandu dengan cara yang (5) _____. Seterusnya, mereka tidak menyelenggarakan kenderaan mereka dengan (6) _____ juga. Yang terbaharu, pengguna jalan raya asyik menggunakan (7) _____ semasa memandu. Walaupun tindakan ini salah mengikut (8) _____ jalan raya namun masih terdapat sebilangan pengguna yang tidak (9) _____ undang-undang tersebut. Kesimpulannya, terbukti bahawa sikap pengguna jalan raya merupakan (10) _____ utama berlakunya kemalangan jalan raya.

[_____ patah perkataan]